

# VDP PETRONAS atasi monopoli

» Bantu usahawan Bumiputera teroka pasaran O&G antarabangsa

Oleh Ahmad Farizal Hajat  
ahmadfarizal@bh.com.my

**P**rogram Pembangunan Vendor (VDP) PETRONAS telah mewujudkan pelbagai peluang kepada usahawan Bumiputera serta mengurangkan monopoli syarikat asing dalam sektor minyak dan gas (O&G).

Mengikut peserta program itu, VDP juga telah meningkatkan kemahiran, keupayaan serta kepakaran usahawan Bumiputera dalam sektor yang amat memerlukan teknologi paling komprehensif dan bernilai tinggi itu.

Pengerusi Eksekutif Barakah Offshore Petroleum, Nik Hamdan Daud, berkata sebagai penyedia perkhidmatan O&G dan antara peserta yang lama dalam VDP PETRONAS, syarikatnya kini boleh melangkah dengan lebih yakin untuk bersaing dan meneroka pasaran O&G di peringkat antarabangsa.

"Sebelum ini, kami banyak terbahit dalam kegiatan O&G secara 'ad hoc', dan ini membuatkan kami sukar untuk mendapat kepercayaan syarikat besar, apatah lagi untuk mengembangkan perniagaan di dalam dan di luar negara.

"Namun, setelah dilantik sebagai vendor PETRONAS menerusi VDP pada 2007, kami diberi latihan dan didikan di bawah peraturan yang amat ketat. Kami kini mampu berkembang dan bersaing dengan syarikat asing lain dengan penuh yakin kerana memiliki kelebihan dari segi keupayaan

dan kepakaran yang menepati piawai antarabangsa," katanya dalam temu bual di Kuala Lumpur, semalam.

Nik Hamdan berkata, Barakah Offshore, yang senaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 6 November lalu, dan kini semakin diiktiraf gergasi O&G antarabangsa seperti Shell serta Exxon Mobil Corp, menyasarkan meraih beberapa projek di Arab Saudi dan Indonesia membabitkan nilai terkumpul RM1 bilion tahun depan.

**Ikut jejak Barakah Offshore**  
Sementara itu, Pengarah Urusan OMNI Oil Technologies (M) Sdn Bhd, Nik Mustapha Fathil yang baru menyertai VDP pada September lalu, yakin syarikatnya berupaya mengikuti jejak Barakah Offshore untuk berkembang lebih jauh hasil penyertaan dalam program pembangunan vendor PETRONAS itu.

Beliau menegaskan, OMNI Oil Technologies komited untuk mengeluarkan produk dan komponen O&G buatan tempa-

tan bagi mengurangkan kebergantungan peserta O&G yang beroperasi di Malaysia kepada komponen yang diimport.

Katanya, OMNI Oil Technologies yang ditubuhkan pada 2007 sebagai sebuah syarikat usaha sama 70:30 dengan rakan kongsi dari United Kingdom, dilantik sebagai vendor PETRONAS untuk mengeluarkan dan membekalkan pemusat selongsong jenis keluli karbon dan spring lengkung, iaitu peranti yang dipasang di selongsong telaga pada proses penggerudian dan penyimenan.

Alat itu digunakan bagi melancarkan pergerakan bendalir serta memudahkan pengeluaran sisa penggerudian. Komponen itu kini dibekalkan oleh syarikat luar negara.

## Tingkat keupayaan Petroclamp

Pengerusi Petroclamp Sdn Bhd, Prof Dr Ku Halim Ku Hamid pula percaya, program VDP PETRONAS meningkatkan lagi keupayaan syarikatnya untuk menjadi lebih matang dan ber-

pengetahuan dalam meneroka perniagaan O&G.

Petroclamp yang ditubuhkan pada 2008, dianugerahkan kerja bagi membuat dan membekalkan lapisan pelindung keluli untuk talian kawalan dan kabel bagi tiub saluran pengeluaran minyak dan gas.

Reka bentuk pelindung berganda kabel dan talian kawalan pertama milik syarikat itu telah dipatenkan pada 2011 sebagai satu-satunya reka bentuk seumpamanya di dunia. Petroclamp mula menghasilkan produk pelindung pada Februari 2012.

VDP PETRONAS yang diperkenalkan pada 1994, bermalamat melahirkan usahawan Bumiputera yang bingkis dan berdaya saing dalam industri pembuatan dan perkhidmatan teknikal teknologi menengah dan tinggi berkaitan industri minyak dan gas.

Setakat ini, 79 syarikat dilantik sebagai vendor dan keseluruhannya mereta dianugerahkan kontrak bernilai lebih daripada RM7.52 bilion.